

13. Kerja memperdalamkan sungai itu sedang giat dijalankan dan dijangka akan siap pada bulan hadapan.

- A mendalami sungai itu akan giat
- B memdalamkan sungai itu akan giat
- C memperdalam sungai itu sedang giat
- D memperdalamkan sungai itu sedang giat

Soalan 14

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

14. Perkembangan sektor perkilangan telah meningkatkan pendapatan negara dan taraf hidup penduduk.

- A Sektor perkilangan, pendapatan negara, dan taraf hidup penduduk terus berkembang dan meningkat.
- B Sektor perkilangan yang semakin maju turut meningkatkan pendapatan negara dan taraf hidup penduduk.
- C Peningkatan taraf hidup penduduk turut meningkatkan sektor perkilangan dan menambahkan pendapatan negara.
- D Taraf hidup penduduk yang semakin meningkat dapat menambahkan pendapatan negara dan mengembangkan sektor perkilangan.

Soalan 15

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 15. I Faiz dan Hirmi saling berlumba-lumba untuk memperoleh markah yang tertinggi dalam peperiksaan.
 - II Kedua-dua sahabat itu bersalaman sewaktu terserempak di pasar.
 - III Kerajaan akan terus meningkatkan bantuan kepada para petani di negara ini.
 - IV Hujan lebat selama dua jam setengah menyebabkan jalan-jalan di kampung itu ditenggelami air.
- A I dan II sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja

Soalan 16

Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan dialog di bawah ini.

- 16. Kawasan kampung itu kurang maju kerana penduduknya lebih suka mementingkan diri. Keadaan ini dikatakan
- A bagai murat dicabut ekor.
 - B kata-kata lebih tajam daripada mata pedang.
 - C banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragam.
 - D seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing.

Latihan 6

Soalan 1 hingga 5

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Geetha memberitahu rakan-rakannya bahawa _____ akan tiba di Pantai Chenang pada pukul 5:00 petang.

- A dia
- B dikau
- C beliau
- D kalian

2. Orang ramai yang ingin mengambil ujian memandu kereta diwajibkan agar menduduki _____ yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

- A prasasti C prasyarat
- B praujian D prasejarah

3. Kaki Izlan _____ ke dalam lubang ketika berjalan dalam gelap.

- A terjelepok C tersungkur
- B terperosok D terjunam

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah ini.



4. Encik Talib membawa keluarganya _____ di Tasik Kenyir pada cuti sekolah yang lalu.

- A buah tangan
- B kasih sayang
- C makan angin
- D masam manis

5. Para penonton terpegun apabila mendengar _____ biola yang mendayu-dayu daripada pemuzik terkenal itu.

- A petikan
- B gesekan
- C gosokan
- D tepukan

Soalan 6 hingga 9

Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

6. Saintis itu sanggup menempuh pelbagai cabaran untuk memastikan kajian yang dijalankan berjaya. Tiada kesalahan.

7. Para pengguna hendaklah mengikis sikap gopoh-gapah ketika di jalanraya untuk mengelakkan kemalangan. Tiada kesalahan.

8. Restoran Seleraku itu sentiasa dikunjungi oleh banyak orang kerana berbagai jenis makanan ada dijual di situ. Tiada kesalahan.

9. Pakaian yang digayakan oleh peragawati itu cantik-cantik nian sehingga dipuji oleh hadirin. Tiada kesalahan.

Soalan 10 hingga 11

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

10. I Bunyi enjin kereta yang kasar itu memecah kesunyian malam.

II Kain songket yang dibeli oleh Anita itu murah harganya kerana tenunannya kasar.

III Akibat terlalu kuat bekerja sejak muda, kedua-dua tapak tangan nenek kasar.

IV Tindakan kasar pemain bola sepak itu dalam perlawanan menyebabkan kad merah dilayangkan kepadanya.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II, dan III sahaja
- D II, III, dan IV sahaja

11. I Padapengajaran saya, budak-budak yang nakal patut dirotan.

II Jadikan kesilapan yang telah kamu lakukan sebagai pengajaran.

III Sebelum memulakan pengajaran, guru-guru seharusnya menarik perhatian murid terhadap tajuk yang akan dibincangkan.

IV Asam rebus buatan Salwa sedap kerana dia memasak berdasarkan pengajaran ibunya.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II, dan III sahaja
- D II, III, dan IV sahaja

Soalan 12 hingga 13

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

12. Amalan gotong-royong boleh memberikan berbagai faedah kepada masyarakat.
A boleh memberi pelbagai faedah
B dapat memberikan pelbagai faedah
C dapat memberi berbagai faedah
D boleh memberikan berbagai faedah
13. Para peserta ekspedisi itu berjalan mengikut kumpulan dengan berpandukan kepada kompas.
A berpandu kompas
B berpandukan kompas
C berpandu pada kompas
D berpandukan kepada kompas

Soalan 14

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

14. Dengan kecekapan anggota polis, empat orang lelaki bertopeng yang merompak bank itu berjaya diberkas.
A Empat orang lelaki bertopeng yang merompak bank itu berjaya mempamerkan kecekapan anggota polis.
B Empat orang anggota polis dianggap cekap kerana berjaya memberkas lelaki bertopeng yang merompak bank itu.
C Anggota polis yang cekap berjaya menangkap empat orang lelaki bertopeng yang merompak bank itu.
D Kejayaan anggota polis memberkas empat orang lelaki bertopeng yang merompak bank itu telah membuktikan kecekapan mereka.

Soalan 15

Pilih ayat-ayat yang betul.

15. I Mak Esah membeli sesikat pisang dan sepaket tepung di Pasar Mini Ah Lin.
II Para guru mestilah sentiasa menunjukkan sikap yang positif agar dapat diteladani oleh para murid.
III Sasya menghadihkan sebetuk gelang emas kepada ibunya.
IV Setiap orang peserta pertandingan itu dikehendaki membayar yuran penyertaan.
A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 16

Pilih peribahasa yang paling sesuai bagi ayat yang berikut.

16. Danial sangat gembira apabila kakaknya menghadihkan sebuah komputer riba yang diidam-idamkan selama ini.

Situasi ini sesuai dengan peribahasa

- A orang mengantuk disorongkan bantal.
B pucuk dicita ulam mendatang.
C habis madu sepah dibuang.
D si buta mendapat tongkat.